

16 JUL 2000

Mahathir-ekonomi/I

DR MAHATHIR MINTA CINA BANTU PULIH PERNIAGAAN BUMIPUTERA

KUCHING, 16 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru masyarakat Cina membantu memulihkan perniagaan Bumiputera yang terjejas akibat krisis ekonomi baru-baru ini dalam usaha untuk menambah kemakmuran negara.

Perdana Menteri berkata bahawa semasa kegawatan ekonomi, banyak syarikat Bumiputera telah gulung tikar kerana mereka agak baru, berkembang terlalu cepat dan mudah jatuh.

"Malaysia berpegang kepada dasar melihat jiran makmur, bukannya bergaduh dengan jiran atau menyebabkan mereka menjadi miskin. Kita mahu mereka menjadi kaya supaya kita sama-sama dapat berusaha tetapi jika mereka miskin, mereka akan mengemis," katanya semasa merasmikan Wisma Chinese Chamber Kuching berharga RM10 juta di Padungan di sini.

Dr Mahathir berkata Malaysia bernasib baik kerana kemakmuran yang wujud di negara ini menjamin bahawa tiada perkara tidak diingini berlaku semasa kegawatan itu seperti terjadinya tunjuk perasaan dan rusuhan kaum di beberapa negara di rantau ini.

Beliau berkata bahawa semasa dasar ekonomi baru dilancarkan untuk membolehkan Bumiputera turut menikmati kekayaan negara, masyarakat Cina telah memberi kerjasama sehingga dasar itu berjaya dilaksanakan.

Bagaimanapun, usahawan Bumiputera perlu sedar mereka harus bekerja kuat dan mengamalkan pengurusan kewangan yang baik serta tidak menyalahkan kaum Cina jika mereka gagal, katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan menghargai sumbangan masyarakat Cina sehingga menjadikan Malaysia antara negara membangun paling kukuh daripada segi ekonomi.

"Masyarakat Cina sedar tentang pentingnya dikurangkan ketidakseimbangan dalam pemilikan kekayaan antara kaum. Kerana mereka (Bumiputera) memiliki sebahagiannya, perasaan dengki terhadap kaum Cina sudah hampir hilang," katanya.

Perdana Menteri berkata itulah sebabnya kenapa rusuhan kaum tidak berlaku di negara ini semasa krisis ekonomi.

Pada masa ini, pendapatan per kapita di negara ini ialah US\$3,500 (RM13,300) dengan mengambil kira kumpulan berpendapatan rendah seperti masyarakat Bumiputera dan India.

"Jika kedudukan ekonomi Bumiputera dapat ditingkatkan, pendapatan per kapita negara ini akan bertambah," katanya.

Katanya apabila Bumiputera menjadi kaya, satu pasaran akan wujud untuk kaum Cina mengeluarkan barangan untuk dijual.

"Maka, amat wajarlah jika mereka kaya kerana apabila mereka kaya, mereka menjadi pelanggan yang baik tetapi jika mereka miskin, sudah tentulah mereka menjadi masalah kepada kita," katanya.

Begitu jugalah, katanya, apabila Malaysia membuat keputusan membenarkan pelabur asing datang dan membuka kilang dengan menawarkan kepada mereka kelonggaran tanpa cukai selama 10 tahun bagi mengeluarkan dan mengeksport barangan, negara ini mendapat keuntungan.

Hasilnya, negara ini makmur kerana ia dapat mewujudkan peluang pekerjaan agar rakyat dapat belajar tentang pembuatan, eksport dan mengenal pasti pasaran untuk produk seperti mikrochip oleh syarikat milik Malaysia.

Dr Mahathir juga berkata masyarakat Cina yang merupakan kaum kedua terbesar di Sarawak, telah menyumbang kepada kekayaan ekonomi di negeri itu.

Sarawak kekal aman kerana kaum Cina faham nilai budaya masyarakat Bumiputera tempatan dengan hidup berbaik-baik dengan mereka, katanya.

Sebelum itu, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata Wisma Chinese Chamber Kuching yang menempatkan Dewan Perniagaan Am dan Industri Cina Kuching (KCGCCI) dan Dewan Perniagaan dan Industri Bersekutu Cina Sarawak (ACCCIS), adalah bukti tentang kemajuan masyarakat Cina di Sarawak.

Beliau berkata mereka terkenal kerana sumbangan ke arah pembangunan pendidikan dan pembiayaan sekolah aliran Cina untuk kemajuan masyarakat itu.

KCGCCI yang ditubuhkan pada 1910, dan ACCCIS yang diwujudkan pada 1965, telah memainkan peranan penting sebagai saluran antara rakyat dan kerajaan dalam bidang pendidikan, kebajikan sosial dan amal.

-- BERNAMA

CJ APG MAI